



SIARAN AKHBAR

KEMPEN KEBERSIHAN PANTAI MUARA, AMBD

Hari Ahad, 18 Rabiulakhir 1438 bersamaan dengan 15 Januari 2017

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini telah mengadakan Kempen Kebersihan di Pantai Muara.
2. Kempen tersebut diketuai oleh YM Yusof bin Hj Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD. Seramai tiga puluh pegawai-pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada AMBD dan juga Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM), iaitu pusat latihan AMBD, turut hadir secara sukarela dalam menjayakan kempen kebersihan tersebut.
3. Objektif inisiatif ini adalah untuk sama-sama menjaga kebersihan persekitaran tempat-tempat awam dan juga untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan kerjasama di antara pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD dan CIBFM.
4. Kempen Kebersihan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif *Corporate Social Responsibility* (CSR) AMBD dalam memberi tumpuan kepada kemasyarakatan dan persekitaran. Antara inisiatif-inisiatif CSR AMBD yang lain adalah termasuk *Junior Financial Awareness Program* yang telah diadakan di Sekolah Rendah Menunggol, Kempen Pengembalian Duit-Duit Syiling Negara Brunei Darussalam (*Coin Appreciation Campaign*) dan pembersihan kawasan perkuburan.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 18 Rabiulakhir 1438 / 15 Januari 2017